

**KAJIAN TERHADAP FAKTOR PERSEKITARAN YANG MEMPENGARUHI
TAHAP KEMAHIRAN SOSIAL PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN PANGLIMA BUKIT GANTANG, PARIT BUNTAR**

MUHAMMAD BADRUL AMIN BIN AHMAD FUAD

**KERTAS PROJEK TAHUN AKHIR YANG DIKEMUKAKAN ADALAH
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019

PENGAKUAN

“Saya akui ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap- tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tarikh :16/12/2019

Tandatangan :

Nama pelajar : MUHAMMAD BADRUL AMIN

BIN AHMAD FUAD

No. Matrik : D20161074154

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih.

Syukur kehadiran Ilahi, dengan izin Nya, saya dapat menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pensyarah Puan Azita binti Yunos

Yonus @ Ahmad selaku penyelia projek ini di atas segala bantuan dan nasihat yang diberi.

Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti dan maklumbalas daripada beliau amat membantu dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Terima kasih juga kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga di atas segala galakan dan dorongan serta turut mendoakan saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu dalam memberi sokongan, pendapat dan memberi idea yang bernas kepada saya. Penghargaan juga ditujukan kepada responden kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan kajian ini. Tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, kajian ini tidak sempurna.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Badrul Amin bin Ahmad Fuad

D20161074154

ABSTRAK

Kajian ini dibuat untuk mengkaji faktor persekitaran yang mempengaruhi tahap kemahiran sosial pelajar tingkatan empat dan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar, Perak. Responden kajian terdiri daripada 150 orang pelajar tingkatan empat dan lima SMK Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar, Perak. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Data yang diperoleh adalah merangkumi analisis deskriptif dan inferensi. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 23 **baig** mendapatkan frekuensi,peratusan, min, ujian – T, ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi linear pelbagai. Hasil daripada analisis deskriptif yang dilakukan menunjukkan bahawa tahap kemahiran sosial adalah pada tahap tinggi. Hasil ujian – T dan ANOVA menunjukkan perbezaan antara tahap kemahiran sosial dengan demografi. Hasil daripada analisis korelasi pearson menunjukkan terdapat hubungan positif antara faktor persekitaran dengan tahap kemahiran sosial tetapi pada tahap sederhana. Hasil daripada analisis regresi linear pelbagai menunjukkan item faktor persekitaran iaitu rakan sebaya dan sekolah mempengaruhi tahap kemahiran sosial.



STUDY ON THE B ENVIRONMENTAL SURROUNDING FACTORS AFFECTING THE STUDENTS' SOCIAL SKILLS OF STUDENT B IN SMK PANGLIMA BUKIT GANTANG PERAK

ABSTRACT

The study was conducted to examine the environmental surrounding factors affecting the social skills of students in SMK Panglima Bukit Gantang, Perak. The study B respondents consisted of 150 students from form four and five in SMK Panglima Bukit Gantang, Perak. The research instrument used was a questionnaire. The data collected were analyzed using descriptive and inference analysis using Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 23 to obtain frequency, percentage, mean, correlation and multiple linear regression. The results of the descriptive analysis shows that the level of social skill is high. However, the results of the Pearson correlation test shows that there is a medium relationship between social skill and environmental surrounding factor. The results of the multiple linear regression shows the item friend and family from environmental are affecting social skills. *Betulkan context & grammar.*



SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	2
1.2 Latar belakang	3
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Kepentingan kajian	8
1.5 Objektif kajian	9
1.6 Persoalan kajian	9
1.7 Hipotesis kajian	10
1.8 Kerangka kajian	11
1.9 Skop dan batasan kajian	12
10.1 Definisi Operasional	12



10.1.1 Tahap penguasaan	12
10.1.2 Kemahiran Sosial	13
10.1.3 Pelajar	13
10.1.4 Sekolah Menengah	14
11.1 Rumusan	14

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	15
2.2 Kemahiran sosial	16
2.3 Kemahiran sosial dalam kalangan guru dan pelajar	17
2.4 Kepentingan kemahiran sosial	19
2.5 Teori – teori kemahiran sosial	20
2.5.1 Konsep kecerdasan sosial	20
2.5.2 Teori kecerdasan pelbagai	21
2.5.3 Teori struktur Giddens (1984)	22
2.6 Pendekatan Teori	22
2.6.1 Pendekatan teori kecerdasan emosi	22
2.7 Kajian – kajian lepas	25
2.7.1 Kajian berkaitan kemahiran sosial dalam negara	25
2.7.2 Kajian berkaitan kemahiran sosial di luar negara	27
2.8 Rumusan	28

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka bentuk kajian	30
3.3 Populasi dan sampel kajian	31
3.4 Instrumen kajian	31
3.5 Prosedur	34
3.6 Kebolehpercayaan dan kesahan	36
3.7 Kajian rintis	37
3.8 Kaedah analisis data	37





3.8.1 Analisis deskriptif	38
3.8.2 Analisis inferensi	39
3.9 Rumusan	40

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	41
4.2 Dapatan kajian	42
4.2.1 Jantina	42
4.2.2 Bangsa	43
4.2.3 Tingkatan	45
4.2.4 Aliran	46
4.2.5 Status sosio – ekonomi ibu bapa	47
4.2.6 Bilangan isi rumah	49
4.2.7 Jenis tempat tinggal (rumah)	50
4.3 Analisis deskriptif kemahiran sosial berdasarkan kategori	53
4.3.1 Pengurusan diri	53
4.3.2 Kesedaran sosial	54
4.4 Analisis inferensi	55
4.4.1 Jantina	55
4.4.2 Bangsa	56
4.4.3 Tingkatan	56
4.4.4 Aliran	57
4.4.5 Status sosio – ekonomi	57
4.4.6 Bilangan isi rumah	58
4.4.7 Jenis tempat tinggal (rumah)	59
4.5 Analisis korelasi	60
4.6 Regresi linear pelbagai	61
4.7 Rumusan	62

BAB 5 : RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	63
----------------	----



5.2 Perbincangan kajian	64
5.2.1 Tahap kemahiran sosial pelajar	64
5.2.2 Dapatan kajian tahap kemahiran sosial dengan faktor – faktor demografi	65
5.2.2.1 Faktor demografi 1 : Jantina	65
5.2.2.2 Faktor demografi 2 : Bangsa	65
5.2.2.3 Faktor demografi 3 : Tingkatan	66
5.2.2.4 Faktor demografi 4 : Aliran	66
5.2.2.5 Faktor demografi 5 : Status sosio ekonomi	66
5.2.2.6 Faktor demografi 6 : Bilangan isi rumah	67
5.2.2.7 Faktor demografi 7 : Jenis tempat tinggal	67
5.3 Hasil keputusan tahap kemahiran sosial dengan faktor persekitaran	68
5.4 Hasil keputusan faktor persekitaran yang mempengaruhi tahap kemahiran sosial	69
5.4.1 Rakan sebaya	69
5.4.2 Keluarga	70
5.4.3 Sekolah	70
5.5 Implikasi dan sumbangan kajian	73
5.6 Cadangan kajian masa hadapan	73
5.7 Kesimpulan	74
Rujukan	76
Lampiran – Lampirkan sekali salinan soal selidik yang telah disahkan oleh 2 pensyarah pakar fpe. Scan & letak page no.	85

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 1.1	Bilangan kes rokok dan ponteng SMK Panglima Bukit Gantang	6
Jadual 2.1	Kategori Kemahiran Tambahan	19
Jadual 2.2	Elemen dalam Kecerdasan emosi	23
Jadual 3.1	Skala likert lima	32
Jadual 3.2	Kandungan soal selidik kajian	33
Jadual 3.3	Nilai Cronbach Alpha	36
Jadual 3.5	Jenis ujian hipotesis	38
Jadual 3.8	Nilai Pekali Cronbach's Alpha	39
Jadual 4.1	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut jantina	42
Jadual 4.2	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut bangsa	43
Jadual 4.3	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut tingkatan	45
Jadual 4.4	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut aliran	46

Jadual 4.5	Taburan frekuensi dan peratus responden mengikut status sosio – ekonomi ibu bapa	47
Jadual 4.6	Taburan frekuensi dan peratus reponden mengikut bilangan isi rumah	49
Jadual 4.7	Taburan frekuensi dan peratus reponden mengikut jenis tempat tinggal (Rumah)	50
Jadual 4.8	Min skala likert 5 mata mengikut tiga tahap	52
Jadual 4.9	Taburan analisis min dan sisihan piawai berdasarkan faktor pengurusan diri	53
Jadual 4.10	Taburan analisis min dan sisihan piawai berdasarkan faktor kesedaran sosial	54
Jadual 4.9	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Menyertai Kursus Penyediaan Makanan	51
Jadual 4.11	Jadual analisis ujian – T mengikut jantina	55
Jadual 4.12	Jadual analisis ANOVA mengikut bangsa	56
Jadual 4.13	Jadual analisis ujian – T berdasarkan tingkatan	56

Jadual 4.14	Jadual analisis ujian – T berdasarkan aliran	57
Jadual 4.15	Jadual analisis ANOVA mengikut status sosio – ekonomi ibu bapa	58
Jadual 4.16	Jadual analisis ANOVA mengikut bilangan isi rumah	58
Jadual 4.17	Jadual analisis ANOVA mengikut jenis tempat tinggal (rumah)	59
Jadual 4.18	Jadual analisis korelasi pearson	60
Jadual 4.19	Jadual analisis linear pelbagai	61
Jadual 4.20	Jadual analisis lanjutan regresi linear pelbagai	61
Jadual 5.1	Keputusan keseluruhan pengujian hipotesis kajian	71

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1.1	Kerangka kajian	11
Rajah 3.1	Prosedur kajian	35
Rajah 4.1	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut jantina	43
Rajah 4.2	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut bangsa	44
Rajah 4.3	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut tingkatan	45
Rajah 4.4	Taburan bilangan frekuensi dan peratus responden mengikut aliran	46
Rajah 4.5	Taburan frekuensi dan peratus responden mengikut status sosio – ekonomi ibu bapa	48
Rajah 4.6	Taburan frekuensi dan peratus reponden mengikut bilangan isi rumah	49
Rajah 4.7	Taburan frekuensi dan peratus reponden mengikut jenis tempat tinggal (Rumah)	51

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PAK21	Pendidikan Abad ke 21
PdPc	Pembelajaran dan Pemudah cara
RMK11	Rancangan Malaysia ke 11
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
IPT	Institut Pengajian Tinggi
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
SPSS	<i>Statistical Program for Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Data analisis SPSS

- Kedudukan page numbering dalam bab. Betul mengikut peraturan FYP fpe?

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1996).

Setiap tahun perkembangan dan kemajuan dalam sistem pendidikan di Malaysia dapat dilihat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Dasar ini merangkumi tiga gelombang iaitu Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2014-2020), Gelombang 3 (2020-2025). Proses dasar ini perlulah dilaksanakan secara konsisten dan berterusan bagi mencapai hasrat dalam proses membentuk modal insan yang mempunyai kemahiran sosial yang baik dalam masyarakat.

Persekitaran dan perubahan sosial memberi kesan terhadap sistem kurikulum sekolah kerana sistem pendidikan haruslah selaras dengan kehendak dan keperluan masyarakat. Oleh itu, pendidikan dapat disampaikan kepada anak – anak secara teratur dan tersusun. Secara umum, sekolah ialah tempat di mana berlakunya proses penyampaian ilmu, memupuk sikap, mengembangkan fikiran pelajar serta membentuk peribadi yang mulia.

Pendidikan abad ke -21 (PAK21) memfokuskan pembelajaran secara aktif yang berpusatkan pelajar, dilaksanakan secara kumpulan dan menjurus kepada kemahiran kehidupan. Oleh kerana sistem PAK21 berpusatkan pelajar, maka proses PdPc berlaku secara dua hala antara pelajar dan guru sebagai pemudah cara. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran sosial pelajar di sekolah sejajar dengan kehendak KPM.

Kemahiran sosial merupakan kemahiran dalam hal- hal berhubungan dengan manusia dalam masyarakat. Menurut Susilo D. (2017), aktiviti sosial berlaku melalui interaksi dengan orang lain. Dari perspektif Kementerian Kesihatan Malaysia (2012),

kemahiran sosial meliputi proses menjalin hubungan sosial antaranya membina persahabatan, berbual dengan orang lain, berbudi pekerti dan mempunyai perasaan empati terhadap orang lain.

Oleh itu, kemahiran sosial sangat penting dan tidak boleh diabaikan oleh semua individu terutamanya golongan pelajar. Saluran interaksi kebanyakannya sering terjadi di sekolah di mana wujudnya interaksi antara pelajar dengan kumpulan pelajar yang lain. Kelompok sosial yang terlibat di sekolah adalah dalam bulatan rakan sebaya, guru-guru dan pentadbir pengurusan sekolah. Ameen, K. (2017) mendapati bahawa pembelajaran pelbagai kemahiran sosial dan komunikasi penting dalam pendidikan profesional. Sebagai contoh, kemahiran ini dipraktikkan ketika di dalam bilik darjah dengan cara berinteraksi dengan masyarakat di dalam kelas, memahami perasaan sendiri dan orang lain, mampu membuat keputusan dan memberikan pendapat, meluahkan perasaan, mempunyai kehendak, dan juga mampu membantu orang lain.

Merrell, K. W., dan Gimpel, G. (2014) menyatakan bahawa kemahiran sosial boleh dipelajari. Ianya merupakan tingkah laku untuk memulakan dan bertindak balas bagi menjalankan perhubungan bersifat interaktif dan spesifik. Persekitaran sosial di sekolah akan mempengaruhi perkembangan diri pelajar melalui persekitaran sekolah iaitu guru dan rakan sebaya, ibu bapa serta masyarakat.

Melihat kepada kepentingan kemahiran sosial pelajar, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu membantu pelajar dalam menghasilkan suasana pembelajaran berteraskan kemasyarakatan selaras dengan keperluan dan kehendak masyarakat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Secara umumnya, permbangunan modal insan dari segi kekuatan, kehebatan nilai, kompetensi dan kemahiran insaniah menjadi tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11). Oleh itu, sekolah menjadi tulang belakang dalam menyediakan prasarana dan peluang pendidikan untuk membangunkan modal insan ke arah negara maju.

Kecemerlangan pelajar bukan hanya diukur melalui tahap akademik yang baik tetapi pelajar juga harus menguasai kemahiran lain yang bermanfaat seperti kemahiran sosial.

Pada era globalisasi ini, masalah pengangguran ataupun lambakan graduan yang masih belum mempunyai pekerjaan tetap semakin meningkat dan kritikal kerana tidak mempunyai kemahiran lain. Graduan pada masa kini hanya mempunyai pengetahuan daripada buku sahaja dan tidak mempunyai pengalaman. Senario sebegini boleh merugikan syarikat kerana majikan terpaksa menampung kos menyediakan kursus atau latihan kepada graduan yang tidak mempunyai kemahiran sosial. Majikan sememangnya ingin mengurangkan kos semaksimum mungkin dalam mencipta kelebihan dalam persaingan.

Ismail (2011) menegaskan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara prestasi sebenar para graduan dengan persepsi penerimaan ciri kebolehpasaran di alam pekerjaan. Di alam pekerjaan graduan seharusnya mampu untuk meyakinkan orang lain dengan kemahiran sosial seperti menyampaikan maklumat dengan berkesan. Di samping pencapaian cemerlang, para graduan perlu mempunyai kemahiran lain dalam mencipta peluang untuk masuk ke alam pekerjaan. Sebagai contoh, ketika temubual kerja majikan akan lebih terarah untuk melihat kemahiran insaniah terlebih dahulu sebelum melihat pencapaian akademik calon.

Dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) khususnya menerusi Bidang Utama Ekonomi Nasional (NKEA), institusi pengajian tinggi (IPT) membangunkan Employability Attribute Framework (EAF) yang selaras dengan kurikulum bersepadu meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan supaya menepati keperluan industri. Oleh itu, kepentingan kemahiran sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah harus disemai supaya mampu berhadapan dengan persekitaran dan masyarakat yang mempunyai perbezaan nilai atau kebiasaan. Guru seharusnya memanfaatkan peluang yang ada dalam membantu proses pembentukan identiti pelajar yang berkualiti. Selepas waktu PdPc pula, guru juga harus bertatasusila ketika berkomunikasi dengan masyarakat luar terutamanya dengan ibu bapa pelajar kerana setiap perbuatan waga pendidik akan dinilai oleh masyarakat setiap masa.

Teori Konstruksi Sosial menyatakan wujudnya masyarakat adalah kerana individu dan individu berinteraksi dalam lingkungan struktur sendiri melalui komunikasi dan tindakan secara semula jadi (Nursalam, N., dan Arifiin, J. 2017). Teori tersebut menegaskan bahawa terdapat proses primer dan sekunder dalam sosialisasi. Sosiolisasi awal dialami oleh individu ketika waktu kecil iaitu ketika dengan ibu bapa di mana ini merupakan proses premier manakala proses sekunder pula dialami ketika dewasa dalam lingkungan yang lebih luas.

Remaja yang melaui zaman keremajaan tanpa jalinan kemesraan yang tinggi ketika peringkat kanak-kanak akan mengalami masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan akhirnya membentuk diri sendiri dengan perasaan tidak dihargai, dihormati dan dipercayai. Ini kerana proses sosialisasi mereka berkembang melalui jaringan yang dibina melalui interaksi keluarga, rakan sebaya dan masyarakat secara keseluruhannya.

Hubungan sosial yang terjalin dalam institut keluarga mempunyai kesan yang sangat mendalam bagi membentuk kemahiran sosial remaja. Walaupun anak-anak sudah menjejak alam dewasa tugas ibubapa sebenarnya belum berakhir, malah tanggungjawab mereka semakin berat kerana anak-anak mendambakan layanan seperti orang dewasa membina identiti sendiri, inginkan kebebasan bergaul dan bersuara. Remaja yang dibesarkan daripada keluarga yang mempunyai tahap kemesraan yang tinggi lebih cenderung menjalin hubungan sosial yang baik, bersahaja dan positif.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012) menjelaskan bahawa persekitaran sosial seperti ibu bapa, rakan sebaya, sekolah, guru dan media massa memberikan impak kepada pembentukan nilai-nilai dan norma seseorang individu. Menurut Fauziah Ibrahim et. al (2016), tingkah laku sosial ditunjukkan melalui perasaan, tindakan, sikap keyakinan atau rasa hormat terhadap orang lain.

1.3 Pernyataan Masalah

Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan perhubungan erat dan ciri-ciri sosial yang berkesan antara pelajar dan guru serta kakitangan sekolah yang lain. Hal ini kerana kemahiran sosial yang berkesan adalah tunjang utama dalam usaha menjadikan pendidikan pelajar berada di tahap cemerlang dan bermutu. Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan kemahiran sosial dalam bidang pendidikan di luar negara. Kebanyakan literatur mengkaji kemahiran sosial dalam pelbagai aspek terutamanya dengan pencapaian pelajar di sekolah (Lane, K. L., Givner, C. C., dan Pierson, M. R. 2004; Eleby Jr, C. 2009; Pinar, S. 2011; Jurkowski, S., dan Hanze, M., 2017). Eleby Jr, C. (2009) menyatakan bahawa wujudnya hubungan signifikan antara kemahiran sosial dengan kecemerlangan pelajar kerana ia merupakan kemahiran dalam menguruskan sesuatu hubungan dengan guru dan rakan sebaya, kecemerlangan akademik dan disiplin seseorang pelajar.

Kewujudan hubungan tingkah laku disiplin dengan kemahiran sosial adalah secara signifikan di mana semakin rendah tahap kemahiran sosial, semakin tinggi tingkah laku devian yang dilakukan. Secara tidak langsung kepentingan kemahiran sosial menjadi isu penting dalam perkembangan diri remaja. Tingkahlaku disiplin dalam kalangan pelajar dikaitkan dengan personaliti, kemahiran sosial dan hubungan dengan rakan sebaya (Fauziah Ibrahim et, al 2017). Kesannya, jika kemahiran sosial tidak dikuasai maka ianya akan menyebabkan remaja terkeliru dalam perkembangan diri sendiri. Jadual 1.0 menunjukkan kesalahan disiplin di SMK Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar.

Jadual 1.1 : Bilangan kes rokok dan ponteng SMK Panglima Bukit Gantang

Rokok

Jenis kesalahan	Bilangan pelajar
Memiliki dan menyimpan rokok	8 orang
Menghisap rokok	1 orang
Menjual dan mengedar rokok	1 orang

Ponteng

Jenis kesalahan	Bilangan pelajar
Ponteng sekolah	57 orang
Ponteng kelas	5 orang

(Sumber: Guru disiplin SMK Panglima Bukit Gantang)

Remaja memerlukan ibu bapa dalam membuat keputusan supaya dapat memenuhi cita rasa mereka berdasarkan kehendak yang telah digariskan. Remaja yang tidak mempunyai hubungan sosial dengan keluarga akan menyebabkan mereka merasakan tidak mendapat perhatian, diperkecilkan dan tidak mendapat penghargaan selain mudah memberontak dan mudah dipengaruhi oleh anasir luar.

Menurut Nordin (2010), sektor pendidikan di Malaysia adalah kritikal kerana para pendidik perlu melahirkan modal insan bertaraf dunia dan mewujudkan mobiliti sosial supaya membangunkan negara kita sebagai sebuah pusat kecemerlangan serantau dalam pendidikan. Modal insan yang dimaksudkan bukan hanya perlu berjaya dalam bidang akademik malah keperibadian unggul dan kemahiran nilai tambah juga diperlukan oleh industri. Kajian menunjukkan bahawa jika masih terdapat jurang antara kemahiran “employability” dalam kalangan graduan and majikan, ianya menghalang para graduan untuk mendapat tempat di pasaran pekerjaan (Hanapi, Z., Kamis, A., Tee, T.K., dan M. H., 2017).

Peranan guru adalah sangat besar dalam memastikan graduan yang dihasilkan mampu menjadi sumber tenaga yang memenuhi keperluan majikan. Pelajar akan mengalami masalah apabila bergelar graduan kelak sekiranya kemahiran ini gagal diterapkan ketika di alam persekolahan. Ini dapat dilihat melalui maklum balas daripada pihak majikan yang mempersoalkan ketidakselarasan antara tahap pencapaian akademik dengan kemahiran sosial di kalangan graduan.



Menurut Abdul Rahman (2010), sebab utama kegagalan seseorang dalam pekerjaannya adalah disebabkan oleh kegagalan mereka mewujudkan interaksi yang positif dengan persekitaran mereka. Dalam konteks seorang pelajar, selain belajar di sekolah, golongan ini juga seharusnya didedahkan secara tidak langsung dalam pembentukan dan perkembangan personaliti, mental dan fizikal.

Selaras dengan peranan pihak sekolah sebagai agen perubahan pembangunan diri dan sahsiah, pelajar juga seharusnya mempersiapkan diri dengan penguasaan kemahiran sosial dengan baik sebelum memasuki alam pekerjaan. Ini sebagai satu persediaan pelajar untuk menghadapi pelbagai ragam dan latar belakang yang berbeza di alam pekerjaan.

Kajian ini diharapkan agar dapat membantu pelajar mempersiapkan diri bukan sahaja dalam aspek akademik malah juga dalam konteks amalan sosial dengan persekitaran luar. Selain itu, sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan kelak.



1.4 Kepentingan kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian, ianya menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk melakukan penyelidikan terhadap tahap kemahiran sosial pelajar. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak - pihak berkepentingan yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian ini membolehkan pihak pentadbir sekolah seperti pengetua dan guru menyedari tentang kepentingan kemahiran sosial kepada pelajar dan berusaha untuk memupuk dan meningkatkan kemahiran sosial dalam diri pelajar.

Hasil daripada kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik lain yang juga ingin mengkaji tentang kemahiran sosial pelajar. Seterusnya, penyelidik lain boleh meluaskan skop kajian melalui hasil kajian yang diperolehi. Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang jelas kepada penyelidik lain untuk dijadikan sebagai panduan.

Akhir sekali, harapan penyelidik agar kajian ini dapat dijadikan panduan yang berguna kepada semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan lagi kemahiran sosial



dalam kalangan pelajar seperti ibu bapa, pelajar sendiri, sekolah, masyarakat dan lain-lain. Seorang pelajar yang unggul bukan sekadar perlu cemerlang dalam prestasi akademik malahan juga kemahiran tambahan. Semua pihak perlu sedar akan kepentingan kemahiran sosial dan ianya harus diberikan perhatian dari semasa ke semasa bagi manfaat pada masa akan datang.

1.5 Objektif kajian

Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengkaji tahap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di SMK Panglima Bukit Gantang, Perak.

Secara spesifiknya objektif utama untuk kajian adalah untuk:

- I. Mengenalpasti tahap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar.
- II. Menentukan perbezaan tahap kemahiran sosial berdasarkan faktor demografi.
- III. Mengenal pasti hubungan antara faktor persekitaran dengan tahap kemahiran sosial.
- IV. Mengenal pasti faktor persekitaran yang mempengaruhi tahap kemahiran sosial.

1.6 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik akan menjawab persoalan di bawah bagi mencapai objektif kajian yang telah dinyatakan:

- I. Apakah tahap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar?
- II. Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap kemahiran sosial berdasarkan faktor demografi?
- III. Adakah terdapat hubungan signifikan antara faktor persekitaran dengan tahap kemahiran sosial?
- IV. Apakah faktor persekitaran mempengaruhi tahap kemahiran sosial?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang dibentuk adalah berdasarkan kepada tujuan kajian iaitu untuk melihat tahap kemahiran sosial pelajar sekolah menengah di Parit Buntar. Berikut ialah hipotesis-hipotesis yang akan diuji dalam kajian ini:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina pelajar dengan tahap kemahiran sosial.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara bangsa dengan tahap kemahiran sosial.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara tingkatan dengan tahap kemahiran sosial.

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara aliran pelajar dengan tahap kemahiran sosial.

Ho5 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara status sosio – ekonomi ibu bapa dengan tahap kemahiran sosial.

Ho6 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara bilangan isi rumah dengan tahap kemahiran sosial.


Ho7 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jenis tempat tinggal dengan tahap kemahiran sosial.

Ho8 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor persekitaran dengan tahap kemahiran sosial.

1.8 Kerangka Kajian

Pemboleh ubah bebas (IV)

Rajah 1.1 : Kerangka kajian



1.9 Skop dan Batasan Kajian

Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar SMK Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar yang melibatkan pelajar tingkatan empat dan lima. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 150 orang responden berdasarkan teknik persampelan rawak berstrata berpandukan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970). Penyelidik memilih pelajar tingkatan empat dan lima kerana pelajar tersebut mempunyai baki dua tahun persekolahan. Selepas tamat persekolahan, pelajar tersebut akan melanjutkan pelajar ke menara gading atau bekerja. Oleh itu, sebelum pelajar melangkah ke alam pekerjaan mereka perlu memastikan kemahiran sosial mereka pada tahap terbaik. Memandangkan skop kajian hanya melibatkan pelajar SMK Panglima Bukit Gantang, segala keputusan kajian tidak boleh digunakan kepada pelajar yang bersekolah di kawasan lain.

Kajian ini dijalankan atas kerjasama yang diberikan oleh responden melalui kesudian dan tiada unsur paksaan daripada mana-mana pihak. Penyelidik tidak boleh meletakkan para responden dalam situasi yang tidak diingini seperti tekanan psikologi, fizikal dan ekonomi semata-mata untuk mencapai objektif kajian (Mangkau, I. D. 2012). Selain itu, penyelidik juga mendapatkan persetujuan daripada pihak sekolah untuk mengumpulkan data dan maklumat daripada pelajar sekolah berkenaan.

1.10 Definisi Operasional

Definisi istilah ialah proses memberikan penjelasan kepada istilah-istilah penting yang digunakan dalam konteks penyelidikan ini. Definisi istilah ini adalah untuk memudahkan pemahaman.

1.10.1 Tahap Penguasaan

Tahap yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah tingkat atau peringkat dan penguasaan pula bermaksud satu perbuatan meliputi pengetahuan, pemahaman dan pencapaian dalam sesuatu profesion tertentu. Maksud tahap penguasaan ialah tingkat atau peringkat untuk

menguasai sesuatu profesion. Dalam kajian ini, tahap penguasaan bermaksud setakat mana para pelajar dapat menguasai kemahiran sosial daripada aspek-aspek yang dikaji. Tahap penguasaan berada pada tiga kategori iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi.

1.10.2 Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial boleh dikatakan sebagai kehandalan dalam aspek membina perhubungan dengan orang lain untuk mendapatkan manfaat daripada sesama lain (Peterson, C., Slaughter, V., Moore, C., dan Wellman, H. M. 2016). Berdasarkan Teori Interaksi Allport (1978), kemahiran sosial adalah keperluan kesamarataan status untuk mencapai perhubungan antara kumpulan secara optimum.

Dalam konteks kajian ini, kemahiran sosial meliputi kemahiran berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan untuk mewujudkan suasana yang harmoni bagi memenuhi kepekaan keperluan serta kehendak diri sendiri dan individu lain dalam situasi sosial. Ianya adalah bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan kemahiran ini dalam proses membina hubungan yang baik dengan persekitaran pembelajaran pelajar dan meningkatkan keyakinan diri pelajar.

1.10.3 Pelajar

Pelajar merupakan individu yang belajar di sekolah. Dalam kajian ini, skop pelajar diperkecilkan kepada pelajar sekolah menengah. Pelajar sebagai generasi manusia memiliki peranan penting terhadap perilakunya dalam lingkungan sekolah (Syaufina, L., dan Wijayanto, H. 2016). Pelajar dikatakan sebagai bakal pemimpin negara di mana keupayaan mereka untuk membangunkan negara dari segi perspektif ilmu pengetahuan dan kemahiran generik dapat memanfaatkan negara kita.

1.10.4 Sekolah Menengah

Sekolah menengah merujuk kepada institut belajar dan mengajar bagi pelajar yang melanjutkan pengajian dari sekolah rendah dan ianya berada di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Berdasarkan Statistik Bilangan Sekolah, Murid & Guru (Jun 2016), terdapat 2408 buah sekolah menengah di Malaysia; sejumlah 2,188,525 orang pelajar di sekolah menengah dan seramai 181,978 guru yang terdapat di sekolah menengah di Malaysia; Kurikulum pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah ditentukan oleh KPM.

Pendidikan menengah terbahagi kepada dua peringkat iaitu Pendidikan Menengah Rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3) dan Pendidikan Menengah Atas (Tingkatan 4 Tingkatan 5). Kategori Sekolah Menengah Kebangsaan seperti SMK (Harian), SM (Berasrama Penuh), SM Seni dan Sukan, SMT/V, SMKA dan SMKAB (<http://www.moe.gov.my>).

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan Kurikulum Kebangsaan yang digunakan oleh semua sekolah menengah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 18 di bawah Akta Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2016/>).

1.11 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan limitasi kajian. Beberapa istilah dinyatakan untuk mengelakkan kekeliruan kepada pembaca. Harapan penyelidik agar kajian ini dapat digunakan dan dijadikan panduan kepada pelajar dan para guru. Huraian kajian lepas akan dibincangkan pada bab yang seterusnya.